

**PEMAHAMAN PEKERJA SEKS KOMERSIAL (PSK)
TENTANG HIV/AIDS: KAJIAN DI DESA AMIS,
INDRAMAYU, INDONESIA**

BAMBANG INDRAKENTJANA

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2014**

**PEMAHAMAN PEKERJA SEKS KOMERSIAL (PSK)
TENTANG HIV/AIDS: KAJIAN DI DESA AMIS,
INDRAMAYU, INDONESIA**

Oleh

BAMBANG INDRAKENTJANA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan Bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2014

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan sepanjang tempoh pengajian saya menyiapkan tesis ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu, Prof. Madya Dr. Ismail Bin Baba dan penyelia bersama Dr. Azlinda Azman di atas bimbingan, tunjuk ajar, kerjasama, sokongan dan kesabaran yang diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Sosial RI, terutama kepada Kepala Badiklit Kementerian Sosial RI di atas peluang yang diberikan untuk menjalankan pengajian di Universiti Sains Malaysia. Seterusnya diucapkan terima kasih kepada Ketua STKS Bandung di atas bantuan, sokongan dan keizinan yang diberikan kepada saya untuk menjalankan pengajian di Universiti Sains Malaysia.

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri dan anak di atas doa, bantuan, sokongan secara fizikal dan mental yang bertahan, memahami serta sabar dengan karenah saya sepanjang suka duka menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada PSK yang membenarkan kajian ini dijalankan dan memberi kerjasama dalam memberi maklumat-maklumat yang diperlukan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kakitangan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, kawan seperjuangan dan pelbagai pihak lain yang tidak dapat saya sebutkan di atas bantuan, sokongan dan kerjasama sepanjang tempoh pengajian PhD saya di Universiti Sains Malaysia.

Pulau Pinang, Februari 2014

BAMBANG INDRAKENTJANA

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat	
Penghargaan	ii	
Jadual Kandungan	iii	
Senarai Jadual	vi	
Senarai Lampiran	vii	
Abstrak	viii	
Abstract	x	
BAB I	PENGENALAN	
	Latar Belakang	2
	Pernyataan Masalah	7
	Persoalan Kajian	13
	Objektif Kajian	14
	Kepentingan Kajian	15
	Limitasi Kajian	15
	Susunan Bab Hasil Penyelidikan	17
BAB II	SOROTAN LITERATUR	
	Latar Belakang, Keadaan, dan Permasalahan yang Dihadapi Pekerja Seks Komersial (PSK) Dalam Menjalankan Aktiviti Pelacuran	20
	Pandemik, Jangkitan, dan Rawatan HIV/AIDS	33
	Pandemik HIV/AIDS	33
	Jangkitan HIV/AIDS	38
	Rawatan dan Pencegahan HIV/AIDS	48
	Pendidikan HIV/AIDS dan Implikasinya Ke Atas Praktis Kerja Sosial	55
	Pengertian Pendidikan HIV/AIDS	56
	Penanda aras Pendidikan HIV/AIDS	58
	Prinsip dan Tujuan Pendidikan HIV/AIDS	66
	Implikasi Pendidikan HIV/AIDS Ke Atas Praktis Kerja Sosial	74
	Rumusan	81

BAB III METODOLOGI KAJIAN	
Reka bentuk Kajian	87
Keperluan Data, Sumber Data dan Cara Mendapatkannya	90
Pengujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	92
Teknik Pengumpulan Data	96
Penganalisan Data	99
Lokasi dan Ruang Lingkup Kajian	100
BAB IV DAPATAN KAJIAN	
Latar Belakang, Keadaan, dan Permasalahan yang Dihadapi Pekerja Seks Komersial (PSK)	103
Latar Belakang Menjadi PSK	103
Keadaan Pekerja Seks Komersial (PSK)	147
Permasalahan yang Dihadapi PSK	159
Pemahaman Pekerja Seks Komersial (PSK) Tentang Aspek Pandemik, Transmisi dan Rawatan HIV/AIDS Sebelum Diberi Program Tindakan Sosial Pendidikan HIV/AIDS	166
Khidmat Sosial yang Diperlukan Pekerja Seks Komersial (PSK) Dalam Menangani HIV/AIDS	193
Implikasi Psikososial kepada Pekerja Seks Komersial (PSK) Tanpa Pendidikan HIV/AIDS	205
Pemahaman Pekerja Seks Komersial (PSK) Tentang Aspek Pandemik, Transmisi dan Rawatan HIV/AIDS Selepas Diberi Program Tindakan Sosial Pendidikan HIV/AIDS	215
Rumusan	357
BAB V PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	
Latar Belakang, Keadaan dan Permasalahan yang Dihadapi Pekerja Seks Komersial (PSK)	362
Latar Belakang Menjadi PSK	362
Keadaan Pekerja Seks Komersial (PSK)	371
Permasalahan yang Dihadapi PSK	375
Pemahaman Pekerja Seks Komersial (PSK) Tentang Aspek Pandemik, Transmisi dan Rawatan HIV/AIDS Sebelum Diberi Program Tindakan Sosial Pendidikan HIV/AIDS	379
Khidmat Sosial yang Diperlukan Pekerja Seks Komersial (PSK) Dalam Menangani HIV/AIDS	382
Program Tindakan Sosial yang Dijalankan Terhadap PSK Dalam Menangani Masalah HIV/AIDS	385

Pemahaman Pekerja Seks Komersial (PSK) Tentang Aspek Pandemik, Transmisi dan Rawatan HIV/AIDS Selepas Diberi Program Tindakan Sosial Pendidikan HIV/AIDS	416
Implikasi Dapatan Kajian	423
Implikasi Psikososial Jika Pendidikan HIV/AIDS tidak Diberikan kepada PSK	423
Implikasi Ke atas PSK Dalam Menjalankan Aktiviti Menjadi PSK	426
Implikasi Ke atas Praktis Pekerja Sosial Dalam Menangani Masalah HIV/AIDS	428
Implikasi Ke atas Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Dalam Menjalankan Aktiviti Memberi Perkhidmatan Sosial Bagi PSK	435
Kesimpulan	437
Rujukan	442
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 1	Reka bentuk Kajian	90
Jadual 2	Keperluan Data, Sumber Data dan Cara Pengumpulan data	91
Jadual 3	Kurikulum Pendidikan HIV/AIDS Bagi Pekerja Seks Komersial (PSK)	404

SENARAI LAMPIRAN

		Muka Surat
Lampiran A	Panduan Kajian Dokumen	457
Lampiran B	Panduan Pengamatan Berperanan Serta	459
Lampiran C	Panduan Temu Bual Mendalam	460
Lampiran D	Panduan Perbincangan Kelompok Fokus	462
Lampiran E	Soal Selidik Kajian	464

**PEMAHAMAN PEKERJA SEKS KOMERSIAL (PSK) TENTANG HIV/AIDS:
KAJIAN DI DESA AMIS, INDRAMAYU, INDONESIA**

ABSTRAK

Salah satu penyumbang kepada epidemik HIV/AIDS adalah melalui aktiviti pelacuran oleh Pekerja Seks Komersial (PSK). Hubungan seks yang dilakukan oleh PSK mempunyai risiko yang paling tinggi untuk jangkitan HIV/AIDS. Objektif kajian ini adalah memahami: (1) latar belakang, keadaan dan permasalahan yang dihadapi oleh PSK; (2) pemahaman PSK tentang pandemik, transmisi dan rawatan HIV/AIDS; (3) khidmat sosial yang diperlukan oleh PSK dalam menangani HIV/AIDS; dan (4) implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK dan implikasinya ke atas praktis kerja sosial. Kajian kualitatif ini melibatkan informan yang terdiri daripada 30 orang PSK. Teknik pensampelan bertujuan telah digunakan untuk mendapatkan responden. Pengumpulan data juga melibatkan teknik pemerhatian, temu bual mendalam dan perbincangan kumpulan fokus. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor penyumbang kepada seseorang menjadi PSK merangkumi kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah, kewujudan budaya pelacuran dan faktor permintaan dari pelanggan untuk mendapatkan khidmat seks. Beberapa permasalahan yang dihadapi oleh PSK melibatkan pengalaman diseksa, dipaksa melakukan hubungan seks, diperas ugut oleh “bapa ayam” atau “mucikari”, serta dijangkiti penyakit kelamin termasuk HIV/AIDS. Pemahaman PSK terhadap HIV/AIDS yang meliputi aspek pandemik, jangkitan dan rawatan adalah sangat rendah. Keadaan ini yang membuatkan PSK tidak mengamalkan hubungan seks yang selamat melalui penggunaan kondom ketika melakukan hubungan seksual. Khidmat sosial yang sangat diperlukan oleh PSK untuk menangani dan mencegah jangkitan HIV/AIDS ialah

pendidikan HIV/AIDS. Implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK melibatkan perasaan tidak selesa dan cemas kerana merasa khuatir akan jangkitan virus HIV/AIDS, dan seterusnya menularkan kepada anak dan keluarga mereka. Kajian ini mempunyai implikasi ke atas PSK, praktis kerja sosial, pembuat dasar dan peranan pertubuhan bukan kerajaan dalam memberi perkhidmatan sosial menangani HIV/AIDS dalam kalangan PSK. Cadangan kajian masa hadapan boleh menjurus kepada pelbagai pengaruh HIV/AIDS terhadap aspek psikososial PSK, kajian tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi aktiviti PSK dan kesannya ke atas jangkitan HIV/AIDS, serta kajian berkisar pembentukan model bagi menangani HIV/AIDS untuk golongan PSK.

**UNDERSTANDING OF COMMERCIAL SEX WORKERS ABOUT HIV/AIDS:
A STUDY IN AMIS VILLAGE, INDRAMAYU, INDONESIA**

ABSTRACT

One of the causes for the spread of HIV/AIDS is through sex with commercial sex workers. A person who have sex with commercial sex workers having a high risk of contracting with HIV/AIDS. The objectives of the research are to understand: (1) the background of the sex workers' living condition and the problems they faced; (2) their understanding about the pandemic, transmission and treatment of HIV/AIDS; (3) the types of social services needed by the sex workers in dealing with HIV/AIDS; and (4) the psychosocial implication in case of unavailability of HIV/AIDS education for the sex workers and its implication to social work practice. This qualitative study involved 30 sex workers as informants. The purposive random sampling technique was used to identify the informants. Data was also collected using techniques of observation, in-depth interview and focus group discussions. The main study findings indicated that poverty, low education, social acceptance of the profession and the high demand for the sex workers' services become the pushing factors of becoming commercial sex workers. Some of the problems faced by sex workers involved the experiences of being abused by the clients, pressure by the "*bapa ayam*" or "*mucikari*" and the exposure to sexual transmitted diseases, including HIV/AIDS. The sex workers were found to have low understanding about HIV/AIDS including its pandemic aspects and treatment. It was for this reason that the sex workers did not exercise safe sex such as using condoms when having sexual intercourse. A most needed social services for prevention of the spread of the pandemic was HIV/AIDS education. Informants' reaction when informed about the HIV/AIDS risks include psychosocial implications

such as anxiety, fear and worry about their sexual activities and the risk of HIV/AIDS infection, as well as the possible spread to their children and family members. This study has some implications to the policy makers and the possible roles of non-governmental organizations in providing relevant social services for the commercial sex workers. The study also emphasizes on the need for more research including the understanding on the influences of HIV/AIDS on the psychosocial aspects of sex workers and the development of a HIV/AIDS prevention model for sex workers.

BAB I

PENGENALAN

Aktiviti pelacuran seringkali dikaitkan dengan pekerja seks komersial (PSK). Aktiviti pelacuran melibatkan perlakuan hubungan intim secara berganti-ganti pasangan seks sehingga PSK berkemungkinan dijangkiti penyakit seksual yang menular termasuklah dijangkiti HIV/AIDS. Perlakuan hubungan seksual yang tidak selamat yang dilakukan PSK turut menyumbang kepada jangkitan penyakit seksual seperti HIV/AIDS kepada pelanggan atau pengguna khidmat seks.

Kekurangan akses PSK terhadap perkhidmatan kesihatan menjadi penyebab utama PSK mudah terdedah kepada pelbagai ancaman kesihatan, sama ada secara fizikal mahupun mental. Di sisi lain, pemahaman PSK tentang HIV/AIDS mempunyai pengaruh ke atas aktiviti PSK dalam menjalankan hubungan seks yang tidak selamat. Oleh itu, intervensi bagi membantu PSK merupakan aspek yang sangat penting dalam menangani jangkitan HIV/AIDS.

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti mengapa pemahaman PSK di lokasi kajian tentang HIV/AIDS rendah, seolah-olah mereka kurang sedar bahawa HIV/AIDS boleh dijangkiti melalui hubungan seksual yang tidak selamat. Dapatan kajian yang ditemui diharapkan dapat memberi gambaran latar belakang, keadaan dan permasalahan yang dihadapi oleh PSK; pemahaman PSK tentang aspek pandemik, transmisi dan rawatan HIV/AIDS. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti khidmat sosial yang diperlukan oleh PSK dalam menangani HIV/AIDS; dan menganalisis implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK serta implikasinya terhadap praktis kerja sosial atau profesion kerja sosial.

Latar Belakang

Pelacuran merupakan patologi sosial atau penyakit masyarakat yang tergolong dalam aktiviti yang paling lama dan di dalamnya mengandungi persoalan-persoalan yang kompleks, unik serta memerlukan perhatian yang lebih saksama dari pelbagai pihak. Sebagai masalah sosial yang sangat lama, sehingga kini pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengatasi permasalahan pelacuran ini. Namun masalah pelacuran masih lagi muncul dan menjadi permasalahan sosial. Perkara ini sangat unik kerana masalah pelacuran berhubung kait dengan banyak aspek, termasuklah sosial, ekonomi, sosio-budaya, norma dan etika sosial serta undang-undang.

Aktiviti pelacuran sering kali melibatkan kaum wanita yang dikenai sebagai Pekerja Seks Komersial (PSK). Pelacuran merupakan satu aktiviti yang melibatkan penyerahan tubuh badan kaum wanita kepada banyak lelaki dengan imbalan pembayaran. Wanita disetubuhi sebagai pemuas nafsu seks pelanggan yang dijalankan di luar perkahwinan. Manakala PSK adalah kaum wanita yang mempunyai pekerjaan menjual diri kepada mana-mana sahaja lelaki yang memerlukan perkhidmatan bagi kepuasan nafsu seksual (Purnomo & Siregar dalam Suyanto, 2004).

Alasan yang diberikan oleh sebahagian besar wanita yang menjadi PSK adalah faktor ekonomi atau kemiskinan. Desakan ekonomi, faktor kemiskinan, adanya pertimbangan ekonomi untuk meneruskan hidupnya dalam usaha mendapatkan status sosial yang lebih baik, aspirasi kebendaan yang tinggi pada diri wanita dan kesenangan, ketamakan terhadap pakaian-pakaian cantik dan perhiasan mewah, serta ingin hidup mewah tetapi malas bekerja merupakan faktor penyebab seseorang menjadi PSK (Kartono, 2005).

Selain hal tersebut, sebahagian kaum wanita yang menjalankan profesion tersebut mempunyai keyakinan bahawa pekerjaan sebagai “pemuas nafsu seks” lelaki ini juga menjadi pilihan menarik kerana mereka tidak mempunyai kemahiran lain yang dapat digunakan dalam mencari nafkah (Soedjono,1977). Dalam situasi ini, PSK mempunyai tugas untuk membantu dan meningkatkan kedudukan ekonomi keluarga mereka kerana faktor kemiskinan yang mahu tidak mahu harus ditanggung bersama.

Namun demikian, apa yang dijalankan oleh golongan PSK tersebut termasuk dalam kategori pekerjaan sangat hina kerana mereka melakukan aktiviti dalam keadaan bahaya yang boleh mengancam keselamatan fizikal, kejiwaan, mahupun nyawa. Aktiviti yang dilakukan oleh mereka seringkali berhadapan dengan situasi dilema dan nilai-nilai yang tidak jelas (Yuliah, 2005). Terdapat beberapa situasi yang seringkali dihadapi oleh para PSK dalam menjalankan aktivitinya. Antara lain, perlakuan daripada beberapa pelanggan yang tidak membayarkan wang bagi PSK selepas melakukan aktiviti seksual. Bagi mendapatkan wang, PSK harus rela melakukan hubungan seksual dengan cara-cara yang sesuai dengan keinginan pelanggan atau para ‘hidung belang’ yang seringkali tidak mengambilkira keadaan fizikal mahupun kejiwaan PSK. Oleh kerana itu, golongan ini kerap berhadapan dengan kekerasan secara fizikal daripada orang-orang yang telah menempahnya. Kaum wanita ini juga biasa dijadikan sasaran kemarahan untuk alasan-alasan yang tidak berkait dengan pekerjaannya. Masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelanggan, sama ada masalah rumah tangga pelanggan, masalah pekerjaan, mahupun masalah-masalah peribadi lainnya seringkali dicetuskan melalui aktiviti

penyiksaan terhadap PSK yang dianggap sebagai objek pemuas hasrat dan emosi mereka.

PSK seringkali pula terdedah untuk diperlakukan dengan cara di subordinasi oleh orang-orang di persekitaran pekerjaannya, di mana yang menentukan segalanya dalam menjalankan pekerjaan bukan PSK, tetapi kekuasaan yang ada pada “bapa ayam (*pimp*)” dan pengantara lainnya. PSK yang berada dalam kekuasaan “bapa ayam” harus bersedia pada setiap saat untuk memberi khidmat seks kepada pelanggan, tanpa mengenal keadaan letih, sakit mahupun dalam kedatangan haid. Jika menolak dan tidak menerima arahan, kebiasaannya mereka akan mengalami keganasan seperti dipukul, dianiaya, diseksa sehingga dikurung.. Keganasan seperti ini harus diterima oleh para PSK sebagai pengganti pampasan bagi mengelakkan pendapatan- pihak-pihak tersebut tidak terputus. Sebahagian dari PSK ini juga menjadi sasaran sebagai pengantara pemasaran dadah. —Persekitaran pekerjaan memungkinkan mereka terlibat dalam penggunaan dadah, sama ada sebagai pengguna, pengedar mahupun sebagai pengantara. Dengan kata lain, aktiviti mereka dalam lingkungan pelacuran sesungguhnya sangat berkait dengan kegiatan jenayah.

PSK dapat menimbulkan pelbagai masalah, sama ada dari aspek sosial, ekonomi, budaya, ketertiban, keselamatan mahupun kesusilaan dalam kehidupan masyarakat. Hal tersebut menjadi halangan utama terhadap pelaksanaan pembangunan. Sebagaimana ditekankan dalam Pola Asas Pembangunan Bidang Kesejahteraan Sosial Departemen Sosial RI (2007) bahawa masalah PSK yang tumbuh dan berkembang dalam kehidupan masyarakat di Indonesia merupakan salah satu masalah kesejahteraan sosial disebabkan hal-hal seperti berikut:

- 1) Merupakan aktiviti yang bertentangan dengan nilai-nilai sosial, norma-norma agama, kesusilaan serta merendahkan harga diri atau martabat bangsa Indonesia.
- 2) Mempengaruhi sendi kehidupan dan penghidupan masyarakat sama ada dilihat daripada aspek sosial, ekonomi, budaya, ketertiban, keselamatan, mahupun kesusilaan.
- 3) Masalah tersebut cenderung meningkatkan penyimpangan-penyimpangan sosial.
- 4) Pengaruh negatif yang diakibatkan oleh masalah pelacuran itu sangat membahayakan generasi belia sebagai harapan bangsa (muka surat, 12).

Ketiadaan perlindungan sosial untuk PSK menyebabkan risiko menghadapi pelbagai ancaman cukup besar. Mereka sangat mudah dijangkiti penyakit menular seksual (PMS) bahkan lebih teruk lagi boleh dijangkiti HIV/AIDS kerana aktiviti mereka yang melakukan hubungan seks secara berganti-ganti pasangan (Suyanto, 2004). Kekurangan akses mereka terhadap perkhidmatan kesihatan menjadi penyebab mereka semakin rapuh atau terdedah kepada pelbagai ancaman kesihatan, sama ada secara fizikal mahupun kejiwaan. Departemen Kesihatan RI (2007) turut mengemukakan bahawa 70% jangkitan HIV/AIDS adalah disebabkan melalui hubungan seks berisiko atau tidak selamat.

Epidemik HIV/AIDS di Indonesia sudah berlangsung selama 15 tahun dan dijangka akan berterusan kerana masih terdapat faktor-faktor yang memudahkan jangkitan penyakit ini. Dua cara jangkitan HIV/AIDS setakat ini adalah melalui hubungan seks yang tidak selamat dan pengguna dadah suntik. Dalam sepuluh tahun masa hadapan, penyakit ini mungkin belum akan dapat dibanteras sehingga masih menjadi masalah kesihatan masyarakat dan juga mempunyai implikasi sosial ekonomi yang luas. Penderitaan bukan sahaja akan dialami oleh mereka yang dijangkiti HIV/AIDS tetapi juga akan dirasakan oleh keluarga dan masyarakat, (Departemen Sosial RI, 2007). Nasronudin (2007) mengemukakan bahawa

peningkatan jumlah bilangan orang yang dijangkiti HIV/AIDS tidak hanya disebabkan oleh penggunaan dadah suntik tetapi juga disebabkan oleh perilaku seks bebas yang dilakukan. PSK sangat rapuh atau terdedah terhadap virus HIV/AIDS kerana perilaku mereka yang berisiko tinggi iaitu berganti-ganti pasangan ketika mengadakan hubungan seks.

Penyertaan PSK dalam pencegahan HIV/AIDS masih belum begitu jelas. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa kes di mana masih ramai pengguna [khidmatjasa](#) seks tidak mahu menggunakan kondom, dan PSK tidak melakukan rawatan secara rutin. Hal ini kerana pemahaman dan pengetahuan PSK tentang bahaya, impak dan jangkitan HIV/AIDS masih sangat rendah (Departemen Kesihatan RI, 2007). Persoalannya adalah mengapa pemahaman PSK tentang HIV/AIDS di Indonesia adalah rendah? Seolah-olah mereka tidak sedar bahawa melakukan hubungan seks yang tidak selamat akan dijangkiti HIV/AIDS.

Pendidikan tentang bahayanya HIV/AIDS untuk PSK sangat penting bagi membantu mencegah jangkitan HIV/AIDS dalam kalangan PSK. Hal ini kerana pengetahuan PSK yang rendah sehingga ramai di antara mereka yang mengabaikan keselamatan dalam melakukan hubungan seks dengan pasangan yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika pendidikan tentang bahaya HIV/AIDS dan corak pencegahannya diberikan dengan segera kepada PSK maka tindakan ini akan dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS.

Pernyataan Masalah

Suatu ciri khas yang penting dari perkembangan kawasan industri termasuk industri pelancongan yang padat dan mobiliti penduduk yang tinggi adalah berkembangnya hubungan seks berisiko. Pelacuran adalah suatu aktiviti menyerahkan tubuh badan perempuan kepada lelaki (lebih daripada satu orang) dengan imbalan mendapat bayaran wang untuk perkhidmatan seks yang ditawarkan. Pelacur atau PSK secara umumnya adalah perempuan (terdapat juga dalam kalangan lelaki) yang mempunyai pekerjaan menjual badan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan pemuasan hubungan seks dengan bayaran wang. Perilaku seks mencakupi segala bentuk ekspresi yang dilakukan oleh seseorang, bermula daripada hubungan heteroseksual, homoseksual, sehingga pelbagai teknik dan gaya (seks oral, seks anal, masturbasi dan sebagainya) untuk mencapai kepuasan hubungan seks sama ada secara fizikal mahupun kejiwaan.

Pada asasnya perkembangan kegiatan pelacuran di Indonesia sudah bermula di Pulau Jawa sejak zaman sistem kerajaan penjajah Negeri Belanda. Masalah di Indonesia berlangsung secara tersusun dan berkembang dengan pantas pada tempoh masa penjajahan Belanda. Keadaan tersebut dapat dilihat dengan adanya sistem perhambaan tradisional dan “selir atau perempuan simpanan” yang dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pemuasan seks masyarakat pendatang daripada Eropah. Umumnya aktiviti ini berkembang di kawasan pelabuhan di Indonesia. Salah satu kawasan dari pelabuhan tersebut ialah di kawasan Distrik Indramayu

Wilayah Regional Jawa Barat.

Indramayu disebut dengan “luruh duit” (bahasa Jawa) atau banyak wang. Di Distrik Indramayu Wilayah Regional Jawa Barat, pelacuran merupakan salah satu

masalah besar yang dihadapi sejak dahulu sehingga kini. Keadaan tersebut membuatkan Distrik Indramayu dikenali sebagai kawasan pembekal pelacur di Indonesia. Perkembangan komuniti di Indramayu berlaku kerana ketika wanita menjadi pelacur, ketika itu hubungan antara desa telah mulai dibentuk. Interaksi yang terus terjalin antara pelacur dan kawasan asal akan memunculkan komuniti pembekal (Koentjoro, 2004).

Pada tahun 1999, di Distrik Indramayu terdapat seramai 1,530 pelacur. Tahun 2001, bilangan ini telah meningkat menjadi 1,752 orang pelacur, dan 25% daripada pelacur tersebut berusia di bawah 18 tahun (Kantor Dinas Sosial dan Tenaga Kerja Distrik Indramayu, 2001). Sehingga kini, jumlah PSK di Distrik Indramayu semakin meningkat, sehingga menjadi kebiasaan atau merupakan tradisi kepada komuniti di Indramayu. Bagi komuniti Indramayu, menjadi pelacur telah menjadi biasa sebagai usaha dalam mendapatkan wang yang banyak. Oleh kerana itu, menjadi pelacur bukan merupakan suatu masalah dalam komuniti tersebut dan tiadanya hukuman (*punishment*) daripada komuniti terhadap seseorang yang melakukan aktiviti pelacuran ini. Dengan adanya anggapan atau persepsi masyarakat seperti itu, maka PSK merasa lebih bebas melakukan pekerjaan mereka tanpa ada rasa malu ataupun takut dikenakan hukuman.

Tujuan warga yang “luruh duit” adalah untuk mencari “kesugihan” (bahasa Jawa) atau “kekayaan” (bahasa Melayu). Kekayaan digambarkan sebagai suatu kesenangan, supaya ekonomi mereka memadai dan tidak kalah dengan orang lain. Dengan kekayaan, status sosial mereka akan menjadi meningkat terutamanya untuk masa hadapan yang lebih baik, serta dapat membahagiakan seluruh kaum keluarga mereka terutama ibu bapa. Mereka beranggapan bahawa dengan kekayaan, secara

langsung akan mendapat penghargaan dalam masyarakat di persekitaran dan menjadi kebanggaan diri. Kekayaan tersebut diwujudkan dengan rumah yang mewah berbanding dengan yang tidak menjalankan “luruh duit”, juga berbeza daripada orang kaya biasa seperti petani. Kegagalan mendapatkan kekayaan melalui aktiviti ”luruh duit” ditangani dengan penerimaan bahawa hal itu sebagai takdir atau nasib buruk. Jika mereka gagal mendapatkan kekayaan, mereka berhenti sementara daripada menjadi PSK kemudian mencari cara lain untuk meraih kejayaan.

Beberapa corak dalam bertindak balas terhadap kegagalan tersebut adalah dengan mencari “dukun”, pembedahan plastik, menjadi tenaga kerja di luar negara, menjadi pembantu rumah tangga dan mencari suami.

“Luruh duit” merupakan kebiasaan secara berterusan dalam sebuah keluarga. Sebagai kebiasaan yang berterusan, “luruh duit” menjadi sesuatu yang terbuka dan diterima masyarakat, bahkan masyarakat sangat menerimanya. Setakat ini tidak ada hukuman sosial ke atas seseorang yang menjalankan aktiviti ”luruh duit” kerana telah dinilai dan dianggap sebagai tradisi. Sebahagian masyarakat sedar bahawa aktiviti “luruh duit” sebagai satu jenayah, tetapi terdapat juga masyarakat yang menganggap aktiviti ”luruh duit” bukan sebahagian daripada kegiatan jenayah. Masyarakat memandang “luruh duit” bukan suatu kejahatan, sebaliknya sebuah pekerjaan. “Luruh duit” sudah tidak dianggap sesuatu perilaku yang salah, bahkan menjadi kebanggaan. “Luruh duit” dilihat sebagai aktiviti meraih wang dan tidak ada sebarang hukuman sama ada daripada kerajaan mahupun masyarakat. “Luruh duit” tidak melanggar undang-undang dan apabila terdapat penipuan daripada pengantara atau ”bapa ayam”, masyarakat tidak menuntut tetapi hanya mengikuti keinginan ”bapa ayam”. Masyarakat tidak peduli kepada adanya penipuan yang

dilakukan oleh pengantara dan "bapa ayam". "Luruh duit" sudah tidak dinilai sebagai sama ada aktiviti yang halal atau haram. Mereka menikmati kesenangan tanpa memikirkan kehidupan akhirat. Mereka yang "luruh duit" tidak ke masjid, dan seringkali tidak menjalankan aktiviti amal, tetapi terdapat juga bekas pelacur yang menjadi "hajjah" dan telah membantu membina masjid.

Salah satu desa di Distrik Indramayu menjalankan aktiviti "luruh duit" adalah Desa Amis. Dalam kalangan masyarakat di Desa Amis, ibu bapa mempunyai pandangan bahawa perempuan hanya layak dalam situasi domestik. Anak perempuan tidak perlu tamat sekolah tinggi, kerana pada akhirnya hanya akan kembali ke rumah, bekerja di dapur, sumur dan memberi khidmat kepada suami di katil. Akibatnya ramai anak perempuan yang tercicir daripada meneruskan pendidikan di sekolah tinggi. Anak perempuan kemudian menjadi Tenaga Kerja Indonesia (TKI) di luar negara, menjadi PSK, pelayan café, atau pembantu rumah tangga. Faktor eksploitasi ke atas anak perempuan di Desa Amis tidak hanya berada dalam situasi persekitaran yang buruk, malah mereka juga dipandang tidak sama rata jika dinilai dari hak sebagai anak.

Berdasarkan huraian tersebut, di Desa Amis telah berlaku eksploitasi ke atas anak perempuan oleh ibu bapa berdasarkan beberapa hal seperti: (a) perempuan berada dalam ruang domestik sehingga tidak perlu menamatkan sekolah tinggi; (b) anak perempuan adalah aset keluarga; (c) menjadikan anak sebagai pelacur tidak difahami sebagai satu bentuk kejahatan, dalam hal ini tidak ada contoh kes ibu bapa diadili secara undang-undang kerana melacurkan anaknya; dan (d) adalah menjadi kebiasaan jika melacurkan anak.

“Luruh duit” tidak semata-mata disebabkan oleh faktor-faktor pendorong, tetapi juga kerana faktor permintaan terhadap pelacur. Permintaan terhadap pelacur merupakan keperluan untuk mengisi industri seks yang cenderung menjadikan anak-anak perempuan sebagai sasaran utama. “Luruh duit” dimungkinkan kerana adanya peranan pengantara dan ”bapa ayam”. Jaringan kerja antara pengantara dan ”bapa ayam” di Desa Amis sebagai desa pembekal terhadap permintaan pelacur berpengaruh ke atas berlakunya peningkatan aktiviti ”luruh duit”.

Hal tersebut berdasarkan beberapa perkara seperti: (a) pengantara dan ”bapa ayam” merupakan sebahagian daripada jaringan perdagangan anak perempuan untuk menyediakan calon-calon ”luruh duit” bagi memenuhi permintaan ke atas pelacur; (b) permintaan pelacur merupakan keperluan untuk mengisi industri seks yang cenderung menjadikan anak-anak perempuan sebagai sasaran utama; (c) pengantara dan ”bapa ayam” adalah warga satu desa dengan calon ”luruh duit” sehingga mempermudah informasi, pengiriman, dan komunikasi antara pengantara dengan calon pelacur; (d) pengantara dan ”bapa ayam” mempunyai modal wang yang besar yang dapat memenuhi keperluan warga miskin dengan pantas; dan (e) pengantara dan ”bapa ayam” sangat aktif mencari calon ”luruh duit” kerana secara kewangan menguntungkan mereka. Semua pembiayaan proses pengambilan dan pengiriman dibebankan kepada warga yang ”luruh duit” sebagai hutang. Kesemua perkara tersebut menunjukkan dengan jelas faktor eksploitasi ke atas anak di Desa Amis Distrik Indramayu.

Ramai kaum wanita di Desa Amis bekerja sebagai PSK kerana faktor kemiskinan bagi membolehkan mereka dapat memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan perumahan untuk keluarga mereka. Mereka hanya memiliki

sedikit kekuasaan untuk melepaskan diri daripada pelanggan supaya memakai kondom kerana keputusan biasanya terletak di tangan pelanggan. Jika PSK memaksa, mereka akan kehilangan pelanggan. PSK yang memaksa menggunakan kondom juga kebiasaannya akan berhadapan dengan keganasan daripada pelanggan dan atau pemilik rumah pelacuran di mana PSK itu bekerja.

Salah satu daripada penyumbang kepada epidemik HIV/AIDS adalah daripada pekerja seks komersial. HIV/AIDS hanya boleh dicegah dengan memutuskan rantai transmisi, iaitu menggunakan kondom pada setiap kali mengadakan hubungan seks berisiko. Aktiviti yang dilakukan PSK adalah salah satu faktor penting yang menjadi penyebab terhadap peningkatan jangkitan HIV/AIDS. Akibatnya, semakin ramai ahli-ahli komuniti yang terjangkit virus HIV/AIDS.

Berdasarkan hal tersebut, dalam kerangka mempercepatkan perkhidmatan HIV/AIDS secara menyeluruh, sangat penting melihat dan memperkasakan peranan PSK untuk dapat membantu usaha pencegahan terhadap jangkitan HIV/AIDS melalui pelbagai rancangan program. Antara rancangan yang perlu dilaksanakan ialah memberi pendidikan dan memberi maklumat yang tepat dan benar tentang HIV/AIDS kepada PSK dan komuniti. Hal ini perlu dilaksanakan supaya dapat mengembangkan sikap dan perilaku positif untuk melindungi diri dan orang lain daripada jangkitan HIV/AIDS. Selain itu, intervensi seperti ini merupakan sesuatu usaha yang boleh dijalankan sebagai bertindak balas terhadap penularan jangkitan HIV/AIDS.

Pendidikan mempunyai makna yang luas sebagai satu usaha yang sistematik oleh para pendidik bagi mewujudkan suasana supaya peserta yang dididik

menyertai aktiviti belajar (Sudjana, 2000). Dalam aktiviti ini, berlaku interaksi pendidikan antara dua pihak, iaitu antara peserta didik yang melakukan aktiviti belajar dengan pendidik yang melakukan aktiviti pembelajaran.

Pendidikan merupakan perubahan kemampuan seseorang yang dicapai melalui usaha orang itu, dan perubahan itu bukan diperoleh secara langsung melainkan daripada proses perkembangan diri secara semula jadi. Aktiviti belajar merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk mencapai tujuan pembelajaran. Hal ini juga dikatakan sebagai usaha untuk mencapai tujuan, iaitu perubahan tingkah laku, yang bermakna bahawa belajar merupakan sebahagian daripada tingkah laku manusia yang mencerminkan adanya sikap dan perbuatan untuk belajar daripada diri seseorang. Dikatakan sebagai suatu usaha untuk perubahan tingkah laku, kerana aktiviti belajar merupakan usaha untuk meningkatkan disposisi dan kecekapan. Disposisi yang dimaksudkan adalah perubahan sikap, pengetahuan, kecekapan dan nilai atau aspirasi. Sedangkan yang dimaksudkan dengan kemampuan adalah wujudnya penampilan seseorang dalam persekitaran tertentu, misalnya dalam persekitaran pekerjaan atau kehidupan mereka secara umumnya. Oleh sebab itu, hasil aktiviti pembelajaran harus dapat dibandingkan dalam perubahan tingkah laku sebelum masuk aktiviti belajar dan setelah melakukan aktiviti belajar (Sudjana, 2000).

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang dibincangkan di atas, persoalan utama kajian adalah “Mengapa pemahaman PSK tentang HIV/AIDS di Desa Amis rendah, seolah-olah mereka kurang sedar bahawa

HIV/AIDS boleh dijangkiti melalui hubungan seks yang tidak selamat?” Seterusnya kajian ini juga mempunyai sub-sub soalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimana gambaran latar belakang, keadaan dan permasalahan yang dihadapi oleh PSK di Desa Amis?
2. Sejauhmana pemahaman PSK di Desa Amis tentang aspek pandemik, transmisi, dan rawatan HIV/AIDS?
3. Apakah khidmat sosial yang diperlukan oleh PSK di Desa Amis dalam menangani HIV/AIDS?
4. Apakah implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK di Desa Amis, dan implikasinya terhadap praktis / profesion kerja sosial?

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian yang dikemukakan di atas, maka kajian ini dibuat untuk melakukan analisa ke atas soalan mengapa pemahaman PSK tentang HIV/AIDS di Desa Amis rendah. Objektif kajian termasuk:

1. Mengenal pasti latar belakang, keadaan dan permasalahan yang dihadapi oleh PSK di Desa Amis.
2. Menganalisis pemahaman PSK di Desa Amis tentang pandemik, transmisi, dan rawatan HIV/AIDS.
3. Menganalisis khidmat sosial yang diperlukan oleh PSK di Desa Amis dalam menangani HIV/AIDS.
4. Menganalisis implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK di Desa Amis, dan implikasinya terhadap praktis / profesion kerja sosial.

Kepentingan Kajian

Memandangkan latar belakang, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian yang hendak dicapai, maka kajian ini diharapkan dapat berguna dalam memperkayakan penjelasan ilmiah dalam mengembangkan ilmu kerja sosial, khususnya tentang gambaran latar belakang, keadaan dan permasalahan PSK dalam mengatasi transmisi HIV/AIDS; pemahaman PSK tentang aspek pandemik HIV/AIDS; pemahaman PSK tentang transmisi HIV/AIDS; pemahaman PSK tentang proses rawatan HIV/AIDS; dan keperluan yang diperlukan oleh PSK dalam menangani HIV/AIDS; serta implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK, dan implikasinya ke atas praktis kerja Sosial.

Selain hal tersebut, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan pemikiran dan menjadi bahan pertimbangan untuk pekerja sosial (*social worker*) dalam meningkatkan perkhidmatan sosial dalam menangani HIV/AIDS ke atas PSK dan masyarakat, serta untuk Kerajaan Indonesia, pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan masyarakat dalam mengembangkan usaha menangani HIV/AIDS bagi PSK.

Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan bagi melakukan analisa ke atas soalan mengapa pemahaman PSK tentang HIV/AIDS di Desa Amis, Indramayu, Indonesia rendah, seolah-olah mereka tidak sedar bahawa HIV/AIDS boleh dijangkiti melalui hubungan seks yang tidak selamat. Oleh kerana itu, kajian ini terhad ke atas menjawab persoalan tentang mengapa pemahaman PSK tentang HIV/AIDS di Desa Amis. Indramayu, Indonesia rendah. Pemahaman PSK terhadap HIV/AIDS tersebut

terhad ke atas pemahaman HIV/AIDS tentang aspek pandemik, aspek transmisi, dan rawatan HIV/AIDS.

Lokasi kajian dijalankan di Desa Amis, Indramayu, Indonesia. Beberapa alasan dipilihnya Desa Amis, Indramayu, Indonesia sebagai lokasi kajian adalah: pertama, Desa Amis merupakan satu desa di Indramayu yang wanitanya mempunyai kebiasaan bekerja sebagai "luruh duit" atau PSK. Kedua, di Desa Amis, menjadikan anak perempuan sebagai pelacur tidak difahami sebagai satu bentuk kejahatan atau melanggar nilai-nilai agama, dalam hal ini tidak ada contoh kes ibu bapa diadili secara undang-undang kerana melacurkan anak perempuannya; dan ketiga, di Desa Amis aktiviti melacurkan anak perempuannya untuk menjadi PSK adalah suatu kebiasaan dan sentiasa menjadi tanda tanya.

Bagi mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang mengapa pemahaman PSK di Desa Amis tentang HIV/AIDS rendah, dalam kajian ini dijalankan penganalisa terhadap gambaran latar belakang, keadaan, dan permasalahan yang dihadapi oleh PSK di Desa Amis; keperluan yang diperlukan oleh PSK di Desa Amis dalam menangani HIV/AIDS; dan implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK di Desa Amis, dan implikasinya ke atas praktis kerja Sosial. Oleh kerana itu, keperluan data dan maklumat yang ingin diperolehi daripada kajian ini adalah terhad kepada: (1) memberi gambaran latar belakang, keadaan, dan permasalahan yang dihadapi oleh Pekerja Seks Komersial (PSK) di Desa Amis; (2) memberi gambaran pemahaman Pekerja Seks Komersial (PSK) di Desa Amis tentang pandemik, jangkitan dan rawatan dan HIV/AIDS (3) menyediakan gambaran khidmat sosial yang diperlukan oleh Pekerja Seks Komersial (PSK) di Desa Amis dalam menangani HIV/AIDS;

dan (4) membentuk gambaran implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada Pekerja Seks Komersial (PSK) dan implikasinya ke atas praktis kerja sosial.

Jawapan kepada persoalan kajian ini juga terhad ke atas kaedah kajian yang digunakan iaitu kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang permasalahan kajian yang berdasarkan kepada pemahaman yang berkembang di antara PSK yang menjadi informan kajian. Pada penjuruan lain, untuk mendapatkan data dan maklumat daripada persoalan kajian, teknik pengumpulan data dalam kajian ini terhad ke atas kajian dokumen, penyertaan pemerhatian (*participation observation*), temu bual mendalam, dan perbincangan kumpulan fokus.

Masa pengumpulan data berkaitan persoalan kajian dijalankan selama enam bulan. Sumber data dalam kajian ini terhad kepada sumber data primer dan sumber data sekunder. Sumber data primer adalah sumber data yang diperolehi daripada tangan pertama yang terdiri daripada informan kajian yang dalam hal ini adalah PSK, Keluarga PSK, dan Kakitangan Kerajaan di Desa Amis. Manakala sumber data sekunder adalah sumber data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan soalan kajian.

Susunan Bab Hasil Penyelidikan

Susunan laporan hasil penyelidikan ini, dihuraikan seperti di bawah ini.

Bab I menghuraikan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, dan susunan bab hasil penyelidikan.

Bab II menghuraikan sorotan literatur dan kerangka teoretikal kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu tentang latar belakang, keadaan, dan permasalahan yang di hadapi oleh para PSK dalam menjalankan aktiviti; pandemik, transmisi, dan rawatan HIV/AIDS; khidmat sosial dalam menangani HIV/AIDS; dan pendidikan HIV/AIDS.

Bab III menghuraikan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Dalam bab ini, huraian dimulakan dengan mengemukakan reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan. Selanjutnya, dikemukakan juga berkaitan dengan keperluan data dan sumber data, pengujian kesahan dan kebolehpercayaan data, teknik pengumpulan data, dan teknik penganalisan data, serta lokasi serta ruang lingkup kajian yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan aktiviti kajian.

Bab IV menghuraikan tentang dapatan kajian. Huraian dalam bab ini dimulakan dengan huraian dapatan kajian tentang gambaran latar belakang, keadaan, dan permasalahan yang dihadapi oleh para PSK dalam menjalankan aktiviti. Seterusnya menghuraikan pemahaman PSK tentang aspek pandemik, transmisi dan rawatan HIV/AIDS sebelum diberi pendidikan HIV/AIDS, menghuraikan khidmat sosial yang diperlukan oleh PSK dalam menangani HIV/AIDS, dan menghuraikan implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK, dan implikasinya ke atas praktis kerja sosial. Pada bahagian akhir daripada bab IV ini dihuraikan pemahaman PSK tentang HIV/AIDS selepas diberi pendidikan HIV/AIDS, serta hasil *rapid test* HIV/AIDS terhadap PSK yang menjadi informan kajian.

Bab V menghuraikan tentang perbincangan, implikasi dan cadangan kajian. Dalam bab ini, huraian dimulakan dengan perbincangan dapatan kajian tentang gambaran latar belakang, keadaan dan permasalahan yang dihadapi oleh para PSK di Desa Amis dalam menjalankan aktiviti ; perbincangan pemahaman PSK tentang pandemik, jangkitan dan rawatan HIV/AIDS; dan perbincangan khidmat sosial yang diperlukan oleh para PSK dalam menangani masalah HIV/AIDS

Selanjutnya dalam bab ini juga dihuraikan tentang program tindakan sosial yang dijalankan kepada PSK dalam menangani permasalahan HIV/AIDS. Selepas huraian tersebut, selanjutnya mengemukakan implikasi daripada dapatan kajian. Huraian implikasi daripada dapatan kajian ini merangkumi; (1) implikasi psikososial jika pendidikan HIV/AIDS tidak diberikan kepada PSK; (2) implikasi ke atas PSK dalam menjalankan aktiviti menjadi PSK; (3) implikasi ke atas praktis kerja sosial dalam menangani masalah HIV/AIDS yang dihadapi PSK; dan (4) implikasi ke atas kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam menjalankan aktiviti menangani HIV/AIDS bagi PSK.

Seterusnya, pada bab ini juga mengemukakan cadangan kajian yang seharusnya dijalankan untuk penyelidikan seterusnya tentang PSK dan HIV/AIDS. Cadangan tersebut ditujukan sebagai sebahagian untuk memperkayakan maklumat daripada dapatan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik. Kewujudan pelbagai maklumat tersebut, sangat diperlukan dalam menjalankan aktiviti menangani masalah HIV/AIDS di Indonesia. Pada bahagian akhir bab ini, dikemukakan penutup yang di dalamnya memuatkan rumusan hasil kajian ini.

BAB II

SOROTAN LITERATUR

Dalam bab sorotan literatur kajian ini, penyelidik menghuraikan dan mengkaji pelbagai literatur yang berkait dengan tajuk kajian, khususnya berkaitan latar belakang, keadaan dan permasalahan yang dihadapi oleh PSK dalam menjalankan aktiviti pelacuran; pandemik, jangkitan dan rawatan HIV/AIDS; khidmat sosial dalam menangani HIV/AIDS; dan pendidikan HIV/AIDS.

Latar Belakang, Keadaan, dan Permasalahan yang Dihadapi Oleh Pekerja Seks Komersial (PSK) Dalam Menjalankan Aktiviti Pelacuran

Pelacuran berasal daripada bahasa Latin iaitu *pro-stituere* atau *pro-stauree*, yang bermakna membiarkan diri melakukan “zina”, melakukan “persundalan”, pencabulan, dan “pergendakan”. *Prostitute* juga adalah pelacuran atau “sundal”, atau dikenali dengan istilah perempuan “tuna susila” (Kartono, 2005). “Tuna susila” atau aktiviti tidak sesuai dengan nilai dan norma masyarakat ini bermakna sebagai kurang beradab kerana adanya aktiviti hubungan seks dalam bentuk penyerahan tubuh badan kepada ramai lelaki atau pemuas hubungan seks dengan mendapatkan imbalan jasa atau wang ke atas perkhidmatan seks yang diberikannya. “Tuna susila” dapat juga diberi makna sebagai salah tingkah laku, atau kegagalan menyesuaikan diri dengan norma-norma yang ditentukan masyarakat (Kartono, 2005)..

Pelacuran merupakan bentuk hubungan seks di luar perkahwinan yang dilakukan oleh perempuan dengan sejumlah imbalan wang dan menjadi mata pencariannya. Dalam erti kata lain, kegiatan pelacuran menjadi mata pencarian penuh atau sebahagian pekerjaan sambilan bagi mereka yang telah mempunyai

pekerjaan tetap. Namun secara ekonomi belum mencukupi keperluan hidupnya.

Pelacuran yang merupakan penyerahan diri perempuan untuk memperoleh sejumlah wang daripada lelaki yang mencari kepuasan hubungan seks di tempat melacurkan diri juga dapat dikenali sebagai pekerja seks komersial (PSK) (Kartono, 2005).

Kartono (2005) membahagikan definisi pelacuran kepada tiga bahagian, seperti berikut:

- 1) Adalah bentuk penyimpangan sosial dengan pola-pola organisasi impuls dorongan seks yang tidak wajar dan tidak terintegrasi dalam bentuk pelampiasan nafsu-nafsu seks tanpa kendali dengan ramai orang (promiscuity) antara peribadi tanpa afeksi sifatnya.
- 2) Merupakan aktiviti menjual diri (persundalan) dengan cara menjual-beli badan, kehormatan dan keperibadian kepada ramai orang.
- 3) Merujuk kepada perbuatan perempuan atau lelaki yang menyerahkan badannya untuk tujuan seksual untuk mendapatkan upah (hal. 95)

Berdasarkan definisi tersebut maka dapat difahami bahawa pelacuran merupakan saranan jual beli dan adanya hubungan seks dengan ramai orang.

Aktiviti pelacuran dijadikan sebagai salah satu mata pencarian utama dalam usaha memenuhi keperluan makan, pakaian dan rumah seharian. Faktor ketidakcekapan ekonomi dan dorongan seks secara tidak wajar yang bersifat dalaman merupakan dua faktor utama penyebab kepada pelacuran.

Bloch dalam Soedjono (1977) mendefinisikan pelacuran sebagai suatu bentuk tertentu daripada hubungan kelamin di luar perkahwinan, dengan pola tertentu iaitu kepada sesiapa pun secara terbuka dan hampir selalu dan mendapatkan pembayaran, sama ada melalui perhubungan seks mahupun perhubungan seks lainnya yang dapat memberi kepuasan yang diinginkan oleh individu tertentu.

Definisi tersebut jelas menyatakan bahawa aktiviti hubungan seks yang dilakukan oleh pelacur dengan pelanggannya merupakan penyimpangan perilaku dalam hubungan seks, dan yang dilakukannya tersebut sudah merupakan bentuk

perdagangan jasa untuk mendapat ganjaran kewangan. Aktiviti tersebut kerap kali dilihat sebagai aktiviti yang merendahkan harga dan martabat manusia, kerana terdapatnya unsur pemerdangan harga diri dan kehormatan manusia. Situasi ini berlangsung disebabkan adanya kelonggaran dan pelaksanaan nilai-nilai, di mana perhubungan seks dilakukan secara bebas sehingga boleh mengakibatkan pelbagai kesan termasuklah penyakit penularan seks. Kartono (2005) mengemukakan bahawa seseorang yang menjadi pelacur disebabkan oleh beberapa hal, iaitu; (1) kecanduan hubungan seks (*nymphomaniacs*); (2) ditinggalkan suami; (3) sangat malas bekerja; (4) tidak memiliki nilai moral; dan (5) kerana bodoh. Di pihak lain, Purnomo dan Siregar (1983) mengemukakan bahawa sebahagian besar pelacur menyatakan bahawa mereka terlibat dengan aktiviti pelacuran disebabkan kemiskinan. Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa alasan seseorang perempuan menjadi pelacur adalah kerana kemiskinan atau faktor ekonomi. Seterusnya Purnomo dan Siregar (1983) mengemukakan bahawa kegiatan pelacuran melibatkan orang-orang yang telah memainkan peranan tertentu seperti berikut:

- 1) Perempuan yang menyerahkan badannya kepada ramai lelaki dengan tujuan mendapatkan bayaran wang.
- 2) Individu (lelaki) yang membayar kepada Pekerja Seks Komersial (PSK) untuk memenuhi kepuasan hubungan seks dalam mencapai kepuasannya.
- 3) Pengantara iaitu orang yang mempertemukan Pekerja Seks Komersial (PSK) dengan “bapa ayam” atau mucikari.
- 4) Mucikari atau “bapa ayam” iaitu orang yang mata pencariannya membiayai, menyewakan, membuka tempat untuk aktiviti pelacuran (Purnomo dan Siregar, 1983, hal.105).

Kehidupan seorang pelacur tidak terlepas daripada pengaruh atau peranan orang lain, dan seseorang itu disebut “gendak” atau kekasih daripada pelacur itu sendiri. “Gendak” ini merupakan lelaki yang menjadi tempat pencurahan hati

seorang pelacur dan bertindak sebagai kekasih yang kadangkala sebagai pengantara dan atau berperanan sebagai pelindung pelacur.

Dalam kajian Reitman terhadap “gendak” yang dikutip oleh Soedjono (1977), terdapat lima fungsi “gendak” iaitu; (a) melindungi pelacur terhadap Polis; (b) mengurus pekerjaannya; (c) melindungi terhadap pelanggan yang tidak baik; (d) mencari lelaki sebagai pelanggan; dan (e) menjadi kekasih atau suaminya.

Penyebab seseorang perempuan menjadi pelacur sebagaimana dijelaskan di atas, menggambarkan bahawa masalah sosial ini merupakan masalah yang sangat kompleks dan tidak berdiri sendiri, sehingga memerlukan corak penanganan secara terpadu.

Seterusnya, Soedjono (1977) mengemukakan bahawa secara garis besar pola amalan pelacuran itu merangkumi beberapa jenis, iaitu;

- 1) Pelacuran jalanan, ialah pelacur yang amalannya di jalanan. Biasanya selepas dijelaskan bayaran, pelacur tersebut dibawa ke hotel atau tempat yang dikehendaki pelanggan.
- 2) Pelacuran “bordil” ialah amalan pelacuran yang ada di tempat-tempat tertentu, berupa rumah-rumah yang dinamakan bordil dan setiap bordil dimiliki oleh seorang pengantara atau “bapa ayam” (hal. 6).

Dalam perkembangannya, undang-undang pelacuran di Indonesia apat dibezakan ke dalam dua bentuk. Pertama, pelacuran rasmi yang biasa berada di tempat tertentu dan adanya pengawasan polis dan kerajaan melalui Departemen Sosial. Kedua, pelacuran tidak rasmi di mana aktiviti pelacuran berlaku di tempat-tempat tertentu yang tidak diketahui polis dan tidak di bawah pengamatan kerajaan seperti di rumah-rumah urut atau tempat-tempat yang jauh daripada perhatian polis. Kartono (2005) telah mengemukakan jenis-jenis pelacuran sebagai:

- a. Pelacuran rasmi. Pelacuran yang termasuk dalam pelacuran rasmi iaitu pelacuran yang telah terdaftar dengan polis dan kerajaan melalui Departemen Sosial. Pelacuran ini biasanya berbentuk “bordil”, iaitu tempat

- tertentu yang telah disediakan oleh pengantara atau “bapa ayam” yang selalu mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara berkala.
- b. Pelacuran tidak rasmi. Pelacuran tidak rasmi iaitu yang para pelacur melakukan pelacuran secara perseorangan mahupun dalam kumpulan. Aktiviti ini tidak tersusun dan tempatnya tidak menentu. (hal.74)

Aktiviti pelacuran tidak diharapkan oleh masyarakat, kerana secara nyata bertentangan dengan norma-norma, adat istiadat dan agama. Kesan daripada aktiviti pelacuran ini sangat luas sehingga melibatkan aspek-aspek kehidupan manusia. Antara kesan daripada aktiviti pelacuran adalah seperti berikut: (1) ditinjau daripada aspek pendidikan, pelacuran mempunyai makna demoralisasi; (2) dari aspek sosial, pelacuran mempunyai makna penyakit masyarakat; (3) dari aspek agama, pelacuran adalah haram; (4) dari aspek kesihatan, pelacuran membahayakan kesihatan dan keturunan; dan (5) dari aspek martabat seorang perempuan, pelacuran merupakan satu penghinaan; dan (6) dari aspek kemanusiaan umumnya merendahkan martabat manusia (Soedjono (1977).

Banyak perbezaan mengenai pilihan terminologi tentang pelacuran. Akan tetapi seseorang lebih memilih istilah “pelacur” daripada “pekerja seks komersial”. Di mana terminologi seringkali mencerminkan kedudukan ideologi seseorang pengambil corak. Menurut Shrage (1994):

Istilah “pelacuran” mengungkapkan penanda aktiviti seksual yang dikomersialisasi yang penting bagi orang-orang yang prihatin dengan rosaknya norma-norma materialistik, sementara istilah “kerja seks” menuangkan sejumlah penanda yang lebih penting untuk mereka yang menyedari pada sifat serupa daripada seks yang mempunyai orientasi komersial dengan aktiviti lainnya yang berorientasi komersial. Kerana itu, ketika kita menggunakan salah satu daripada kedua istilah ini untuk penghuraian etnografis, kita menekankan perspektif sub budaya tertentu terhadap pelacuran (hal. 102).

Penggunaan istilah “pekerja seks komersial” merupakan inisiatif aktivis industri seks untuk mendorong pengakuan terhadap pelacuran sebagai sebuah